Oleh **MOHD. ADIL YUSOF**




ORANG ramai dinasihatkan menggunakan platform media sosial untuk menyebarkan kebaikan. – Gambar hiasan

# Cipta tular yang beri manfaat

LEDAKAN maklumat dan media sosial pada masa ini sudah menjadi trend dan keperluan bagi semua lapisan masyarakat.

Penyebaran berita, video grafik dan gambar sesuatu isu menerusi media sosial atau istilah popularnya tular kian menjadi kegilaan terutamanya golongan remaja.

Akhbar *Kosmo!* pada 3 April lalu melaporkan dua remaja menceroboh gedung perabot Ikea di Seberang Perai, Pulau Pinang gara-gara mahu menjadi tular di media sosial dengan membuat *cabaran bermalam di Ikea*.

Kedua-duanya yang merupakan pelajar berusia 17 tahun didapati bermalam di gedung itu selepas waktu operasi kira-kira pukul 10 malam pada Khamis sehingga pukul 6.40 pagi keesokan harinya.

Suspek mengaku berada di dalam gedung perabot itu selepas waktu operasi bertujuan merakam video dan mengambil gambar untuk dimuat naik ke media sosial bagi membuktikan keberanian mereka dapat melepasi pihak keselamatan.



Bermalam untuk tular video sebagai bukti keberanian melepasi pihak keselamatan

**Dua remaja ceroboh Ikea**

Oleh SYALMIZI HAMID

SEBERANG PERAI – Gara-gara mahu menjadi tular di media sosial dengan membuat 'cabaran bermalam di Ikea', dua remaja lelaki ditahan polis selepas didapati menceroboh gedung perabot dari Sweden itu yang terletak di Batu Kawan di sini, Jumaat lalu.

Di gedung perabot inilah dua remaja bermalam sebelum ditahan pengawal keselamatan di Batu Kawan, Seberang Perai pada Jumaat lalu.

KERATAN *Kosmo!* 3 April 2019.

Menurut **Pakar Sosiologi, Profesor Datuk Dr. Mohammad Shatar Sabran,** golongan remaja kini sanggup membahayakan diri semata-mata untuk menjadi popular.



MOHAMMAD SHATAR

"Kegilaan memuat naik video atau gambar di media sosial supaya menjadi tular boleh dianggap satu keperluan buat remaja kini.

"Tanpa mereka sedar bahawa kelakuan tersebut memberi kesan negatif kepada semua masyarakat terutamanya pihak keluarga terlibat," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Tambah Mohmmad Shatar, kesan daripada tindakan yang tidak bermoral itu sebenarnya menimbulkan kerisauan buat ahli keluarganya sendiri.

## Manfaat

"Contohnya, jika berlaku kemalangan seperti kebakaran dalam gedung tersebut dan mereka (remaja terbabit) ada di dalam, tiada siapa akan tahu.

"Perkara sedemikian perlu dibendung supaya ia tidak merosakkan generasi belia. Untuk menjadi tular biarlah dengan cara yang betul seperti meraih anugerah atau mencipta sesuatu yang manfaatkan semua orang," tegasnya.

Naib Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris itu menambah, rakyat Malaysia terutamanya remaja memang digalakkan menjadi seorang yang kreatif dan celik teknologi tetapi bukan cara yang tidak bermoral.

Dalam pada itu, **Ketua Kewarganegaraan dan Kepimpinan Belia Institusi Pengajian Sains Sosial, Universiti Putra Malaysia, Profesor Madya Dr. Hanina H. Hamsan** berkata, antara punca ketagihan internet adalah apabila remaja tersebut menghabiskan kebanyakan masanya melayari internet serta merasa seronok daripada hasil aktiviti tersebut.

"Selain itu, suasana persekitaran dan pengaruh rakan sebaya juga menjadi punca kepada gejala ini.

"Remaja kini lebih kepada mahu perhatian dan suka menyebarkan berita sensasi daripada informasi berguna," ujarnya.

Katanya, jika dibiarkan berterusan perbuatan tersebut akan berakhir dengan gejala tingkah laku yang serius.

Pada masa sama, beliau berkata, langkah terbaik adalah ibu bapa perlu mengawasi tempoh masa anak sewaktu melayari internet selain mencipta hobi bersama-sama.



MENCIPTA tular biarlah untuk manfaat diri sendiri, masyarakat dan negara. – Gambar hiasan



KETAGIHAN internet boleh mendatangkan kesan buruk kepada remaja. – Gambar hiasan